

e-Bulletin ACIS

Edisi
1/2020

<https://acis.uitm.edu.my/>
<https://www.facebook.com/acis.uitm>
e-ISSN 2735-0991



UiTM di hatiku





Kunjungan Mesra

NAIB CANSELOR UiTM

KE AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)

Tanggal 6 Ogos 2020 merupakan hari yang penuh bersejarah bagi semua warga Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) kerana menerima kunjungan hormat daripada Naib Canselor UiTM, Prof. Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim. Ketibaan Datuk NC disambut oleh Dekan ACIS, Prof Madya Dr Nurhidayah Muhammad Hashim bersama barisan pimpinan ACIS yang lain dan dihadiri oleh hampir 100 orang warga dengan SOP penjarakan sosial yang dipatuhi bersama. Majlis berlangsung di Dewan Mukhtar 1 pada jam 3.30 petang hingga 5.30 petang dengan dimulakan dengan pembentangan Dekan ACIS berkenaan kedudukan, pencapaian, kekangan dan usaha yang akan dijalankan oleh ACIS untuk mencapai sasaran yang ditetapkan. Pihak Dekan juga menegaskan bahawa ACIS akan sentiasa berusaha menyokong UiTM ke arah menjadi 'Globally Renowed University' dan menjadi tunggak kepada Nilai UiTM iaitu ESI dan iDART. Datuk Naib Canselor dalam ucapannya banyak menyentuh tentang pelan strategik UiTM 2025 dan harapannya agar warga ACIS akan terus ke depan dan tidak ketinggalan dalam semua usaha penambahbaikan dalam mencapai sasaran UiTM. Beliau menekankan pentingnya ketampakan di mata dunia, kesan kedudukan 'ranking university', keupayaan kewangan Universiti, nilai ESI dan i DART dan hasratnya melihat bilangan pensyarah ACIS yang mempunyai PhD semakin tinggi dengan 'research grants' yang banyak. Pelbagai persoalan turut diajukan oleh para hadirin dan semuanya dijawab dengan jelas oleh Datuk NC. Seluruh warga ACIS mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBhg. Datuk Naib Canselor UiTM yang telah sudi berkunjung dan mengenali seluruh warga dalam Sesi Kunjungan Mesra ke ACIS pada kali ini.



اَوَّلُ مَا يَنْبَغِي لَكُمْ لَوْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Islam
Kontemporari

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA terlebih dahulu.

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan,
MALAYSIA
Emel: korporatacis@uitm.edu.my

Terbitan
Jawatan Kuasa Perhubungan
Korporat & Media ACIS



UiTM *di hatiku*